



KENYATAAN MEDIA

PERLUASAN KEBENARAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung Perluasan Kebenaran Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memberi perkenan memperluaskan kebenaran aktiviti keagamaan di masjid dan surau berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2020 seperti berikut:-

- a) Membenarkan perluasan kebenaran untuk menjalankan semua aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan surau dalam negeri Terengganu sebagaimana biasa dengan syarat mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan serta syarat-syarat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

- b) Diperluaskan kebenaran menyampaikan kuliah atau pengajaran agama kepada semua pemegang tauliah yang dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- c) Jawatankuasa Masjid dan Surau dikehendaki membuat pemantauan supaya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.
- d) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.

Baginda menyeru supaya semua rakyat jelata jangan sese kali mengambil ringan akan arahan pihak berkuasa dalam menghadapi wabak Covid-19 dan menyeru supaya semua rakyat jelata mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Baginda juga mendoakan semoga semua rakyat jelata sentiasa di dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah S.W.T dan dijauhkan dari dijangkiti wabak Covid-19 ini.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
31 JULAI 2020M BERSAMAAN 10 ZULHIJjah 1441H**